

Pelajar boleh suarakan pandangan berlandas fakta, bukti

Anak muda
dibenar bersifat
kritis terhadap
kerajaan tetapi
bukan guna
emosi: PM

Oleh Muhammad Yusri
Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Tanjung Malim: Golongan pelajar boleh menjadi kritis dan kritikal dalam melontarkan pandangan masing-masing kepada kerajaan, tetapi tidak wajar secara emosi, kata Datuk Seri Is-


mail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, golongan terbabit perlu menyuarakan pandangan berlandaskan fakta dan bukti, khususnya apabila ia berkaitan dasar kerajaan.

“Apabila pemimpin pelajar bertemu dengan saya, satu soalan yang ditanya ialah bolehkah kami bersifat kritis dan kritikal terhadap kerajaan, saya jawab boleh dan tidak salah.

“Cuma yang penting, setiap perkara yang dikatakan mestilah mempunyai fakta dan tidak secara emosi. Kita benarkan golongan ini untuk menentukan dan memilih siapa yang bakal menjadi pemimpin negara,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan inisiatif Keluarga Malaysia@IPT di Dewan Tuanku Canselor Universiti Pen-



Ismail Sabri melawat tapak Food@Campus Keluarga Malaysia sambil diiringi Noraini dan Saarani selepas melancarkan inisiatif Keluarga Malaysia@IPT di Dewan Tuanku Canselor UPSI, semalam.

(Foto BERNAMA)

didikan Sultan Idris (UPSI), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Noraini Ahmad; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan dan Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Dr Mah Hang Soon.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengiktiraf peranan anak muda dan ia dibuktikan apabila usul Undi 18 diluluskan.

Beliau turut menyangkal pandangan sesetengah pihak yang skeptikal terhadap keputusan kerajaan kerana beranggapan golongan muda masih terlalu mentah untuk menentukan pemim-

pin negara.

“Kerajaan yakin dengan kemampuan anak muda dan mahu mereka menentukan siapa yang berhak jadi pemimpin.

“Sehubungan itu, bermula 1 Januari depan, semua anak muda berusia 18 tahun ke atas, secara automatik akan jadi pengundi, insya-Allah.

“Apabila PRU (Pilihan Raya Umum Ke-15) diadakan, kerajaan akan pastikan mereka boleh mengundi,” katanya.

Berkuat kuasa 1 Januari 2022, pendaftaran untuk pengundi berusia 18 tahun akan dilakukan secara automatik dan kini persiapan dilaksanakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), antaranya meliputi pindaan Peraturan-Pe-

raturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan serta penyediaan prosedur operasi standard (SOP).

Terdahulu, Ismail Sabri mengaiki kunjungan ke UPSI, mengimbau memori beliau ketika bergelar mahasiswa di Universiti Malaya (UM), selain menyuarakan keterujaan ketika melangkah ke dalam dewan dan melihat wajah ceria anak muda di Dewan Tuanku Canselor UPSI itu.

Ismail Sabri berkata, beliau terkenal memornya ketika sentiasa aktif dalam pelbagai aktiviti di universiti, selain pernah mengetuai Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) pada 1982/83.